

25/09/1997

Penghantaran penyelamat ke Indonesia legakan rakyat

Ebi Azly Abdullah

PENGUMUMAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengarah Gerakan Negara, bahawa penduduk Sarawak hanya akan dipindahkan sebagai pilihan terakhir, menimbulkan pelbagai tanda tanya di kalangan rakyat mengenai proses pilihan terakhir itu.

Dengan keadaan berjerebu di negeri itu mencapai tahap yang tidak pernah dibayangkan tengah hari kelmarin dengan bacaan Indeks Pencemar Udara (API) pada 839 penduduk di kawasan yang teruk terjejas bimbang jika keadaan semakin sukar dikawal lagi.

Bagaimanapun, penghantaran 1,210 pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat ke Indonesia untuk memadam kebakaran hutan di republik itu yang dikatakan punca utama jerebu di negara ini melegakan dada rakyat.

Semoga tindakan itu selain pembenihan awan untuk menurunkan hujan yang dilaksanakan di kedua-dua negara membuah hasil dan memperbaiki kualiti udara di nagara ini.

Kenyataan Perdana Menteri menyusuli Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN), Datuk Mohamed Rahmat bahawa jawatankuasa itu hanya menimbangkan kemungkinan pemindahan, jika kesihatan penduduk terjejas. Jika berdasarkan pelan tindakan jerebu yang asal, pemindahan penduduk seharusnya ditimbangkan dengan serius apabila API melebihi 500. Tetapi nampaknya selepas JPBBN mengambil alih pengendalian jerebu, langkah pengawalan dilaksanakan dengan perlahan dan berhati-berhati.

"Kita tidak boleh bertindak terburu-buru," kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding. Menurutnya, cadangan yang dibentuk dalam pelan tindakan berkenaan sebenarnya perlu dilaksanakan secara sukarela oleh rakyat, bukan secara paksaan.

Beliau juga menjelaskan, mengikut pelan itu juga jika kadar API melebihi 500, penduduk di kawasan terjejas perlu keluar dari kawasan terbabit kerana ia tidak sesuai untuk diduduki.

Mohamed pula berkata, JPBBN menunggu hasil kajian mengenai kesan jerebu terhadap kesihatan penduduk selepas melebihi tahap 800, sebelum menimbang kemungkinan memindahkan orang ramai. Dengan kadar pencemaran mencapai tahap tertinggi dalam sejarah di Kuching dan memaksa perintah darurat jerebu berterusan bagi hari kelima berturut-turut, sudah tentunya ramai yang bertanya adakah kerajaan bertindak terlalu perlahan, dalam menangani `bencana alam' berkenaan.

Menurut Law, amat sukar untuk menentukan tindakan yang sesuai kerana kadar API sering berubah daripada paras berbahaya ke tidak sihat dan sebaliknya, semuanya dalam tempoh beberapa jam saja. Bagaimanapun, beliau mengakui bahawa keadaan di Kuching amat membimbangkan kerana aliran peningkatan API menunjukkan keadaan boleh melebihi 850, sebelum pulih ke sekitar 700. Persoalannya kini, adakah kerajaan bersedia untuk memindahkan penduduk apabila keadaan memaksa, kerana jika ia berlaku tidak ada catatan sejarah yang boleh diteladani. Law sendiri menyedari hakikat itu, dengan berkata pihaknya tidak pernah menyangka API boleh melebihi paras 500 ketika dirumuskan dulu, inikan mencapai paras 800.

(END)